



TERJALIN: Wakil agensi bersedia untuk menandatangani perjanjian kerjasama K@Borneo di Banjarmasin, Kalimantan Selatan.

14 agensi bergabung usahakan kerjasama mengumpul penerbitan mengenai Borneo

KUCHING: Sebanyak 14 agensi dari Sabah dan Sarawak, Malaysia dan Kalimantan, Indonesia telah bergabung serta bersetuju mengusahakan satu kerjasama mengumpul penerbitan mengenai Borneo.

Sehubungan itu satu majlis menandatangani memorandum kerjasama berlangsung pada 9 April lepas antara agensi-agensinya terbabit di Banjarmasin, Kali-

mantan Selatan.

Pada 2002, k@Borneo atau Knowledge on Borneo hanya dianggotai oleh lapan agensi dari Sabah dan Sarawak, Malaysia, Kalimantan Barat, Indonesia dan Brunei Darussalam.

Kini, 14 agensi telah turut serta dalam pengembangan koleksi mengenai Borneo dan yakin bahawa usaha ini dapat memberikan impak dalam pen-

yataan semua koleksi Borneo daripada aspek memudahkan akses serta sumbangan dalam menggalakkan lebih banyak kajian mengenai Borneo dilakukan.

Agensi yang terlibat adalah seperti perpustakaan negeri dan jabatan-jabatan kerajaan antaranya Pustaka Negeri Sarawak, UNIMAS, Perpustakaan Negeri Sabah, Muzium

Sabah, UMS, Badan Perpustakaan Provinsi Kalimantan Barat dan Majlis Adat Dayak Nasional Kalimantan Barat.

Pustaka Negeri Sarawak telah diwakili oleh Tan Sri Hamid Bugo dalam upacara menandatangani dokumen (MoC).

Upacara menandatangani MoC ini telah disaksikan oleh Bapak Muhammad, yang mewakili Gabenor Kalimantan

Selatan. Bibliografi k@Borneo Ke-2 turut dilancarkan sempena majlis menandatangani MoC ini.

Hampir 700 bahan terdiri daripada laporan-laporan kajian, cerita-cerita rakyat dari Kalimantan, tesis dan disertasi universiti serta penerbitan-penerbitan lain dapat diakses melalui portal www.kborneo.com.